



Headline	Nafas tubuh Universiti Peladang tahun depan		
MediaTitle	Kosmo		
Date	10 Jul 2013	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	115,967
Page No	14	Readership	406,000
Language	Malay	ArticleSize	90 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 783
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,349



## Nafas tubuh Universiti Peladang tahun depan

**KUALA TERENGGANU** - Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) mengadakan kerjasama dengan Universiti Kuala Lumpur (UniKL) dalam usaha mewujudkan Universiti Peladang di negara ini.

Pengerusi Nafas, Datuk Seri Saipolbahari Suib berkata, kampus pertama Universiti Peladang akan dibuka di Sungai Petani, Kedah pada awal tahun depan.

"Insya-Allah pengambilan peringkat pertama pelajar untuk kursus diploma akan kita buat pada Januari 2014," katanya kepada pemberita di sini semalam.

Bagaimanapun, beliau berkata, jumlah pelajar yang akan diambil untuk peringkat pertama itu belum dipastikan setakat ini.

Saipolbahari berkata, Universiti Peladang itu akan mempunyai kampus induknya di Bakri, Muar, setelah universiti itu berjalan dengan baik nanti.

Menurutnya, fokus Universiti Peladang ialah menyediakan kursus-kursus dalam bidang kedoktoran, arkitek dan jurutera.